**LAPORAN DIALOG PRESTASI BIL. 3/2016**
**SK SERKAM DARAT, 77300 MERLIMAU, MELAKA**
**MBA1029**

1. Tajuk Program : Dialog Prestasi bil.3/2016
2. Tarikh : 31 Mac 2016 (Khamis)
3. Tempat : Hotel Holiday Inn
4. Fokus Dialog Prestasi : Pentadbiran Sekolah
5. Kehadiran Ahli : Semua GPK dan Guru
6. Keputusan Dialog Prestasi :

6.1 Amanat Tuan PPD

6.1.1 Beliau menegaskan bahawa transformasi menjalankan tugas adalah Perubahan Mindset perlu dilakukan sekiranya ingin cemerlang.

6.1.2 Beliau telah menetapkan GPK HEM dibantu oleh guru Data bagi mengisikan maklumat kehadiran murid dalam sistem e-kehadiran murid.

6.1.3 Pihak sekolah perlu mengadakan e-sarana dan mohon menghantar laporan ke PPD sebulan sekali.

6.1.4 Hasil pemantauan bersepadu masih ada GB belum membuat pencerapan kepada guru-guru dan terdapat guru-guru menulis dalam rekod mengajar format KBSR.

6.1.5 Beliau juga mengingatkan dan memastikan setiap guru-guru yang pergi kursus mesti membuat *"in-house traning"* kepada cikgu-cikgu lain. Memandangkan sekarang ini dasar kerajaan mengoptimumkan badjet maka guru-guru diberi kursus atas keperluan sahaja.

6.2 Mesyuarat Agung PIBG

6.2.1 Tahniah diucapkan kepada semua jawatan kuasa PIBG 2014/2016 yang telah menjalankan tugas dengan penuh komitmen.

6.2.2 YDP baru bagi sesi 2016/2018 telah dipilih iaitu En Mohd Ariff Anwar bin Mustahlil telah deiberi kepercayaan untuk menerajui PIBG SKSD untuk tempoh dua tahun nanti.

6.2.3 Majlis telah diadakan pada 26 Mac 2016 ( Sabtu ) yang telah dirasmikan oleh Penaung PIBG SK Serkam Ybhg. Tan Sri Abdul Rahim Noor yang telah berjanji akan mengecat semula Dewan Maimunah Khamis sebelum Hari Raya Puasa tahun ini.

6.2.4 Tan Sri juga memohon segala pungutan daripada dewan dimasukkan ke akaun PIBG dan boleh digunakan untuk kesehteraan murid dan warga sekolah.

6.2.5 Dalam mesyuarat tersebut ibu bapa/penjaga telah menerima 3 usul untuk diluluskan iaitu menyeragamkan baju pengawas sekolah, sumbangan PIBG dinaikkan kepada RM 30.00 sekeluarga dan Tabung Kebajikan RM 10.00 sekepala dan mewujudkan ibu dan bapa angkat bagi setiap kelas bagi membantu dari aspek keceriaan.

6.3 Program Motivasi dan Solat Hajat kali 1/2016

6.3.1 Program dan Majlis telah dapat dijalankan dengan jayanya pada 24 Mac 2016 ( Khamis ) dimana hampir 3/4 ibu bapa/penjaga telah hadir dalam program tersebut.

6.3.2 Prorgam telah dipimpin oleh En. Akmal bin A. Karim, Ilmu Amal Managment & Consultant

6.4 Amanat Tuan KPP Bahagian Teknologi Pendidikan Melaka

6.4.1 Mesyuarat permuafakatan PKG Serkam bersama GB dan Pengetua Kawasan Serkam telah diadakan pada 24 Mac 2016 ( Khamis ) dan telah dipengerusikan oleh KPP BTPNM En. Noor Hashim bin Hasan.

6.4.2 Beliau telah memaklumkan tentang penting program NILAM, Penggunan VLE merupakan KPI Pengarah Pendidikan, Pastikan CD untuk MBMMBI wujud sekiranya diminta oleh pihak pemantau dan telah memberi keizinan untuk meminjam Netbook di PKG berdekatan untuk tujuan PdP melalui VLE Frog.

6.4.3 Untuk perlanjutan bagi PT Rintis belum ada maklumat dari BSM tentang melanjutkan perkhimatan mereka setakat ini. Jadi untuk sementara ini Guru Data akan mengambil alih mengisi maklumat yang diperlukan oleh KPM/JPN/PPD.

6.4.4 Semua sekolah perlu menggunakan emel rasmi yang telah diselaraskan iaitu mba1029@1bestarinet.yes.my

6.4.5 Beliau juga memohon Guru Besar membuka emel tersebut setiap hari.

6.5 Mesyuarat dan Laporan Ujian Selaras 1

6.5.1 Guru Besar telah memohon Penyelaras Tahun 6 mengadakan mesyuarat Bagi membincang pencapaian murid menggunakan Qnet / Grow bagi memudahkan untuk menbuat perancangan taktikal dan operasi berdasar masalah yang dikenalpasti.

6.5.2 Mesyuarat setiap panita perlu dijalankan minggu hadapan bagi membentangkan laporan dan analisis bagi setiap pencapaian murid dengan dipengerusikan oleh Guru Besar.

6.6 Hal-hal lain dan Isu penambahbaikan

6.6.1 Masalah disipilin disiplin di kalangan murid-murid menggunakan bahasa kesat, tidak menyiapkan kerja sekolah dan ponteng sekolah. Guru Besar memohon semua guru memainkan peranan masing-masing di mana semua guru adalah guru disiplin bagi mengatasi masalah tersebut.

6.6.2 Bagi isu tidak buat kerja sekolah sila hantar kepada GB untuk diambil tindakan terhadap murid tersebut manakala kes ponteng di harap GPK mengikut SOP yang digariskan oleh KPM dan mohon pergi menziarah ke rumah murid-murid ini untuk mendapat maklumat yang lebih tepat.

6.6.3 Isu kebersihan kelas masing belum mencapai tahap yang diharapkan seperti dalam instrumen yang digunapakai. Diharap guru-guru kelas mengambil tindakan segera tentang perkara ini.

6.6.4 Guru Besar telah mengumumkan penerima APC bagi tahun 2015 dan memohon terus memberi komitmen kepad pihak sekolah pada tahun-tahun berikutnya. Seramai 5 orang telah diberi anugerah APC yang lepas.

| | |
|---|---|
| Disediakan oleh, | Disahkan oleh, |
| t.t. | t.t. |
| ……………………………. | …………………………….. |
| (Pn. Norazreen bt Abd Aziz ) | ( Azman bin Janudin ) |
| Pencatat Minit, | Guru Besar, |
| SK Serkam Darat. | SK Serkam Darat. |